

31 JAN 1997

Mahathir-Elektronik

PM: M'SIA PERLU GUNAKAN KAEDAH ELEKTRONIK DALAM PERTADBIRAN

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Malaysia perlu beralih kepada penggunaan alat elektronik dari sekarang supaya kerajaan dan orang ramai berasa serasi apabila pentadbiran elektronik dilaksanakan sepenuhnya di pusat pentadbiran baru di Putrajaya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata perubahan itu perlu supaya orang ramai tidak lagi perlu beratur untuk menjalankan urusan dengan kerajaan.

"Mereka hanya perlu mendapatkan perkhidmatan menerusi mesin seperti mesin ATM untuk berurusan dengan kerajaan yang menjadikan urusan kerajaan lebih pantas," katanya dalam sidang video dengan pakar-pakar teknologi maklumat (IT) Jepun di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata langkah itu merupakan peringkat pertama yang akan disusuli dengan kementerian dan jabatan kerajaan yang akan mengadakan hubungan antara satu sama lain menerusi multimedia seperti komputer dan Internet.

"Kami akan berusaha seberapa yang boleh untuk tidak menggunakan lagi kertas dalam urusan kerajaan," tambahnya dalam sidang video tiga pihak dengan pakar-pakar IT di Tokyo dan Monterey di Amerika Syarikat.

Ketika ditemuramah oleh Perbadanan Penyiaran Jepun, Dr Mahathir berkata Malaysia mendapati ianya penting untuk mengadakan industri-industri berkaitan dengan teknologi maklumat seperti yang terkandung dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC) mulai sekarang sebagai persediaan bagi menghadapi perubahan yang berlaku pada abad akan datang.

"Kami fikir adalah baik untuk memulakannya dari sekarang kerana abad akan datang akan membawa banyak perubahan dan yang demikian kenalah kita membuat persiapan awal," kata Perdana Menteri.

MSC, yang dirancang khusus untuk menarik penyertaan pemaju-pemaju teknologi multimedia, akan dilengkapi dengan rangkaian komputer dan telekomunikasi tercanggih dan lapangan terbang antarabangsa yang baru dalam satu kawasan seluas 15 kilometer x 50 kilometer.

Beliau berkata segala persiapan yang dilakukan oleh Malaysia itu adalah menepati dengan matlamat menjadikan negara ini sebuah negara perindustrian pada tahun 2020.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan mengatasi Jepun dan Amerika Syarikat dalam pembangunan IT, Perdana Menteri berkata Malaysia memerlukan Jepun untuk menjayakan projek MSC itu dan melahirkan harapan agar Jepun juga akan memerlukan Malaysia.

"Kita akan adakan kemudahan dan kita harap Jepun akan datang ke sini untuk membuat eksperimen untuk mengetahui apa yang baik bagi Jepun di MSC," katanya.

-- BERNAMA

MAM OBA